

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA        :      YB TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN  
MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini Skim Penstruktur Semula Industri Bekalan Air Negara bersama Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penstruktur semula industri perkhidmatan air adalah merupakan suatu inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menyusun semula industri perkhidmatan air di peringkat negeri. Langkah ini bertujuan memastikan kemapanan jangka masa panjang (*full cost recovery*) dan mewujudkan jaminan kelangsungan perkhidmatan bekalan air yang berkualiti kepada pengguna, pada kadar tarif yang munasabah.
2. Terdapat 4 komponen penting di dalam penstruktur ini adalah seperti berikut :
  - i) Pengambilalihan pinjaman bekalan air Kerajaan Negeri oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan penyusunan semula tempoh bayaran melalui sewa pajakan selama 45 tahun;
  - ii) Penyediaan pembiayaan modal (CAPEX) oleh PAAB bagi menambah baik kecekapan serta kualiti perkhidmatan air;

- iii) Operator air beroperasi berdasarkan “asset light model”; dan
  - iv) Kawal selia SPAN ke atas prestasi perkhidmatan bekalan air berdasarkan petunjuk prestasi utama yang ditetapkan.
3. Sebanyak 8 buah negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan telah menandatangani perjanjian Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air.
4. Kementerian pada masa ini sedang menumpukan usaha bagi memuktamadkan rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air bagi Negeri Kedah, Pahang dan Terengganu.

Sekian, terima kasih.